

(13 Jun 2022) - Sinan Harian, P32

DBKL nafi lantik SCIB ganti tiang lampu

Tidak pernah beri kebenaran laksana kerja-kerja bagi pihak DBKL

Oleh ENGU
SHARIFUL AZNI
KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah memberi kebenaran kepada mana-mana pihak melantik syarikat Sarawak Consolidated Industries Bhd (SCIB) melakukan kerja bagi agensi tersebut.

Unit Media DBKL menerusi satu kenyataan pada Sabtu memberikan respons ber-

hubung kenyataan Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng tentang dakwaan kontrak RM30.75 juta untuk menggantikan 200 tiang lampu di Lembah Klang.

“Pihak DBKL tidak pernah melantik SCIB atau mana-mana anak syarikatnya atau memberikan kebenaran kepada pihak lain untuk melantik SCIB bagi melaksanakan kerja perkhidmatan kejuruteraan untuk penggantian tiang lampu pintar bersepadu DBKL bagi pihaknya,” kata kenyataan itu.

Pada Sabtu, sebuah portal berita melaporkan tentang kontrak RM30.75

juta yang diberikan oleh DBKL kepada sebuah syarikat untuk menggantikan 200 tiang lampu di Lembah Klang.

Lip Eng berkata, kos tersebut terlalu mahal dan meminta DBKL bersikap telus untuk mendedahkan butiran kerja yang terlibat dan penetapan harga.

**Kenyataan Unit Media
DBKL yang dikeluarkan
pada Sabtu.**

